

MAHATHIR - AGAMA

ALOR SETAR, 1 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENINGATKAN UMAT ISLAM SUPAYA BERHATI-HATI TERHADAP GOLONGAN-GOLONGAN TERTENTU YANG MENGGUNAKAN AGAMA BAGI KEPENTINGAN POLITIK DAN EKONOMI MASING-MASING.

KATANYA: PADA MASA INI TERDAPAT PELBAGAI TAKSIRAN MENGENAI AGAMA ISLAM, OLEH ORANG-ORANG TERTENTU YANG BERTUJUAN SEMATA-MATA BAGI KEPENTINGAN DIRI SENDIRI SAMA ADA DALAM BIDANG EKONOMI MAHUPUN POLITIK.

KATANYA, PADA MASA INI BANYAK PIHAK MEMBUKA SEKOLAH AGAMA TETAPI BUKAN DENGAN TUJUAN MENGAJAR AGAMA SEBENARNYA TETAPI MENGGUNAKANNYA SEBAGAI PANGKALAN MENGEKSPANDKAN PENGARUH POLITIK.

AKIBATNYA AJARAN AGAMA ISLAM KINI TERCEMAR DAN DIKOTORI OLEH UNSUR-UNSUR POLITIK, KATA PERDANA MENTERI KETIKA MERASMIKAN ASRAMA PUTERI BERHARGA HAMPIR \$339,000 SEKOLAH MENENGAH AGAMA (ARAB) LANGGAR, RAUDATUL ULUM AL-DINIYAH DEKAT SINI.

KATANYA, POLITIK SEBENARNYA SEBAHAGIAN DARIPADA KEHENDAK AGAMA. POLITIK BERMAKSUD MEMERANGI MUSUH ISLAM DAN BUKANNYA PENUBUHAN PARTI-PARTI POLITIK. -- LAGI.

1147MST 01 08 86

MAHATHIR - AGAMA 2 ALOR SETAR

KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, POLITIK YANG DITUNTUT OLEH AGAMA BUKANNYA POLITIK YANG MENCUBA MELAGA-LAGAKAN MASYARAKAT SEMASA ISLAM KERANA PARTI-PARTI POLITIK SEUMPAMA ITU HANYA AKAN MEMECAH-BELAHKAN RAKYAT.

BELIAU SETERUSNYA MENINGATKAN MASYARAKAT ISLAM TERUTAMANYA IBU BAPA AGAR BERHATI-HATI KETIKA MENGHANTAR ANAK-ANAK UNTUK MEMPELAJARI AGAMA ISLAM KEPADA GURU-GURU ATAU ALIM ULAMAK YANG TIDAK DIKENALI.

PADA MASA INI KATANYA ADA GURU AGAMA DAN ALIM ULAMAK YANG LEBIH CENDERUNG MENCAMPURADUKKAN POLITIK DALAM AGAMA DENGAN TUJUAN HENDAK MENGEKSPANDKAN FAHAMAN POLITIK SEBUAH POLITIK DAN BUKAN UNTUK MENGAJAR AGAMA YANG SEBENARNYA.

+KITA PATUT TAHU BAHAYANYA ALIM ULAMAK DAN GURU-GURU AGAMA YANG MENYELEWENGGAN AJARAN ISLAM SEBENARNYA KERANA SEMATA-MATA BERKEPENTINGAN POLITIK,+ KATA BELIAU.

MENURUT BELIAU, APABILA AGAMA DAN POLITIK TELAH DICAMPURADUKKAN MAKA SEGELINTIR UMAT ISLAM MENDUHU GOLONGAN ISLAM YANG LAIN SEBAGAI KAFIR DAN TAGHUT TERMASUK MENKAFIRKAN PERDANA MENTERI DAN PARA ANGGOTA UMNO. -- LAGI

1153MST 01 08 86

U B627 DEB

MAHATHIR - AGAMA 3 ALOR SETAR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA TUDUHAN ITU AMAT BERAT KERANA SEPATUTNYA MEREKA YANG MEMBUAT TUDUHAN MENKAKSI BERASAS TIDAKNYA TUDUHAN SEUMPAMA ITU.

MALANGNYA OLEH KERANA ORANG-ORANG YANG MEMBUAT TUDUHAN ITU BERPENGATAHUAN AGAMA MAKA BANYAKLAH ORANG TERUTAMANYA KANAK-KANAK YANG MASIH MENTAH MUDAH MENERIMA DAN MENGIKUTINYA.

+KANAK-KANAK SEPERTI KAIN PUTIH IAITU KALAU GURU AGAMA ATAU ALIM ULAMAK MEMBUAT TAFSIRAN DEGAN IKHLAS MAKA AKAN BAIKLAH JADINYA TETAPI KALAU IA BERTUJUAN POLITIK AKAN SESATLAH KANAK-KANAK ITU,+ KATANYA.

SELAIN GOLONGAN INI YANG MEMPERALATKAN AJARAN ISLAM UNTUK KEPENTINGAN POLITIK ADA PULA GOLONGAN LAIN YANG MENGGUNAKAN KANAK-KANAK SEBAGAI HAMBAA ABDI UNTUK APA YANG DIDAKWA OLEH MEREKA DEMI KEPENTINGAN ISLAM.

ANTARA LAIN GOLONGAN INI MEMINTA KANAK-KANAK ITU BERJUALAN ATAUPUN MELAKUKAN SESUATU BERUNSUR EKONOMI DENGAN ALASAN KEUNTUNGANNYA AKAN DIGUNAKAN BAGI JALAN ISLAM SEDANGKAN SEBENARNYA UNTUK MEMPERKAYA GOLONGAN BERKENAAN. -- LAGI

1200MST 01 08 86

MAHATHIR - AGAMA 4 ALOR SETAR

PERDANA MENTERI MEMBIDAS PAS KERANA MENCUBA MENYEKUTUKAN TUHAN DENGAN MANUSIA BIASA ATAS DAKWAAN PARTI ITU PARTI ALLAH.

BELIAU BERPENDAPAT TINDAKAN PARTI ITU SEMATA-MATA BAGI KEPENTINGAN PILIHAN RAYA DAN MENDAPATKAN UNDI UNTUK CALON-CALONNYA.

KATANYA, PILIHAN RAYA BUKAN BERMAKSUD MENENTUKAN SESEORANG ITU ISLAM ATAUPUN TIDAK ISLAM TETAPI IA BERTUJUAN MEMILIH WAKIL RAKYAT YANG BAIK YANG TIDAK MEMPERALATKAN AGAMA ISLAM SEBALIKNYA SEMATA-MATA UNTUK BERKHIDMAT KEPADA RAKYAT, AGAMA DAN BANGSA.

BELIAU BERHARAP RAKYAT TIDAK AKAN DIPENGARUHI OLEH SENTIMEN PARTI PAS YANG MENCUBA MENGKUCAR-KACIRKAN PENDUDUK DENGAN FAHAMAN ISLAM MEREKA YANG BERUNSUR POLITIK.

DATUK SER DR MAHATHIR, YANG DIIRINGI OLEH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI, TIBA DI SINI PAGI INI DARI KUALA LUMPUR DALAM SIRI LAWATAN BERKEMPEN TERAKHIR KE SELURUH NEGARA.

BELIAU AKAN MELAWAT PERLIS PETANG INI DAN MENGUNDI DI TITI GAJAH PADA HARI AHAD. -- BERNAMA
1203MST 01 08 86